

# Persiapan Ulang Tahun UMNO giat dijalankan

KUALA LUMPUR 9 Mei - Pelbagai persiapan sedang giat dilakukan untuk Sambutan Ulang Tahun UMNO ke-66 di Stadium Nasional Bukit Jalil yang bermula 11 Mei ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di stadium berkenaan mendapati petugas sedang sibuk membuat persiapan untuk sambutan berkenaan, antaranya menyediakan tempat khas untuk tetamu kenamaan, pentas ucapan dan persembahan selain menyusun kawalan keselamatan bersama pihak polis.

Selain itu, Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Ab. Rauf Yusoh juga turun padang bersama petugas parti tersebut bagi meninjau persiapan akhir sambutan berkenaan.

Antara program disediakan ruang ekspo membolehkan pameran UMNO dan syarikat milik kerajaan (GLC) iaitu ruang seni seperti grafiti, ruang muzik, pancara-

gam, fesyen tekstil, persembahan kesenian dan pameran seni digital.

Ruang Teknologi menempatkan aktiviti animasi dan rakaman suara, pencipta robot, blogger, seramik dan kraf tangan, pertanian hidroponik oleh Persatuan Mahasiswa Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Karnival Kerjaya Pemuda Barisan Nasional (BN).

Ruang motivasi pula menyediakan program *Kaseh Dia* membolehkan pameran industri halal produk dan perkhidmatan, seni mempertahankan diri, usahawan muda, kumpulan usahawan serta aktiviti oleh Majlis Sukan Negara.

Sebelum itu, satu majlis tahlil dijangka akan diadakan di Surau Ar-Rahman, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom malam esok.